

JPS baik pulih tebing runtuh

DAMANSARA – Tebing sungai yang mendap di Blok D, Flat Damansara Bistari akan dibaik pulih oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Datuk Mohamad Roslan Sakiman berkata, baik pulih berkenaan akan dilaksanakan JPS sebagaimana yang diarahkan Kerajaan Negeri.

“Kos untuk baik pulih itu menelan belanja RM4 juta dan untuk MBPJ ia adalah satu jumlah yang besar,” katanya.

Menurutnya, pihaknya masih tidak tahu bila kerja baik pulih akan bermula me-

mandangkan peruntukan ketika ini perlu dikeluarkan JPS.

Beliau berkata, pada awal 2011 lalu, tebing di kondominium Kent 3 runtuh dan kerja baik pulih dijalankan MBPJ dengan kos keseluruhan dituntut kepada syarikat pemaju berkenaan.

“Masalahnya sehingga kini syarikat berkenaan masih belum membayar semula kos yang dikeluarkan MBPJ untuk membaikpulih tebing berkenaan,” katanya.

Sementara itu, tinjauan Sinar Harian ke tebing yang terjejas mendapati keadaannya semakin serius apabila sebahagian besar

jalan berhampiran blok D flat berkenaan sudah mendap.

Pengerusi Persatuan Penduduk, Samat Abdul Rashid ketika ditemui berharap kerja baik pulih tebing berkenaan dapat dipercepatkan memandangkan kerja baik pulih adalah di bawah JPS.

“JPS selaku badan kerajaan yang bertanggungjawab perlu bertindak cepat sebelum keadaan menjadi buruk,” katanya.

Menurutnya, pihaknya difahamkan JPS Selangor ketika ini sedang memohon peruntukan daripada JPS Pusat untuk mendapatkan dana untuk tujuan baik pulih.



Keadaan tebing sungai yang mendap bakal menjejaskan blok berhampiran jika tidak dibaik pulih segera.